

Terma & Syarat Tabung Daily Bonus (15^{hb} Oktober – 30^{hb} November 2024)

Kempen **Tabung Daily Bonus (“Kempen”)** dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 196001000142) (“**Maybank**”) dan tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada 15^{hb} Oktober 2024, pada jam 00:00:00 AM (MYT) dan tamat pada 30^{hb} November 2024, pada jam 11:59:59 PM (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] atau apabila mencapai Had Maksimum (seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2(c), yang mana lebih awal. (“**Tempoh Kempen**”).

2. Kelayakan dan Platform

- a. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Yang Layak (“**Pelanggan Yang Layak**”) seperti berikut:-
 - i. Bukan pelanggan Maybank yang merupakan individu yang telah mencapai umur dua belas (12) tahun ke atas dengan dokumen pengenalan yang sah, dan
 - ii. Bagi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun (“**Bawah umur**”), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE adalah pengakuan kepada Maybank bahawa Kanak-Kanak di Bawah Umur telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan dikenakan kepada serta mengikat ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur yang sah dan kesannya adalah sama seperti jika ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur adalah pihak yang bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.
- b. Pelanggan Yang Layak yang memenuhi kriteria seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 3(a) di bawah berhak memperoleh bonus RM0.50 dalam dompet MAE mereka (“**Pendapatan**”) sehingga maksimum empat puluh lima (45) kali, bersamaan dengan 45 hari, antara 17^{hb} Oktober dan 30^{hb} November 2024 (“**Tempoh Boleh Memperolehi**”).
- c. Kempen ini mempunyai had maksimum RM500,000 (“**Had Maksimum**”) atas dasar siapa cepat dia dapat.
- d. Hanya Tabung pertama yang memenuhi kriteria seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 3 di bawah layak menerima Pendapatan (“**Tabung Yang Layak**”).
- e. Untuk akaun bersama, hanya pemegang akaun utama yang akan layak menjadi

Pelanggan Yang Layak.

- f. Orang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
- i. Kakitangan Maybank, syarikat milikan tunggal, perkongsian, pertubuhan/ pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial;
 - ii. Mana-mana Pelanggan Yang Layak yang telah membatalkan dompet MAE mereka atau Tabung Yang Layak semasa Tempoh Kempen;
 - iii. Mana-mana Pelanggan Yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa salah laku, penipuan, perbuatan salah atau lalai dan melanggar terma berhubung dengan akaun(-akaun), sebarang kemudahan dan/atau sebarang perkhidmatan yang diberikan oleh Maybank.
- g. Kempen ini boleh diakses melalui MAE oleh Maybank2u versi aplikasi mudah alih 0.9.25 dan ke atas yang dimuat turun daripada Google Play Store, Apple App Store dan Huawei AppGallery sahaja ("**Platform Kempen**"). Tabung ialah satu fungsi dalam aplikasi mudah alih MAE oleh Maybank2u.

3. Mekanik dan Syarat Kempen

- a. **Pelanggan Yang Layak** dikehendaki memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3(a) untuk layak menerima Pendapatan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4.

Langkah 1	Sebagai pelanggan baharu Maybank, buka dan aktifkan dompet MAE semasa Tempoh Kempen.
Nota: Setelah mengaktifkan dompet MAE, pelanggan mesti mengaktifkan Secure2u dan menunggu sehingga tempoh bertenang selama 12 jam tamat sebelum mereka boleh membuat Tabung dalam aplikasi MAE	
Langkah 2	<p>Cipta Tabung dalam aplikasi MAE dalam kategori 'Coin Jar' ("Tabung Yang Layak "). Pilih pilihan tarikh mula terawal yang tersedia (17^{hb} Oktober atau lebih lewat) dan tetapkan sebarang amaun yang diinginkan (RM) sebagai amaun matlamat. Anda boleh mula membiayai Tabung anda dengan segera.</p> <p>Apabila Pelanggan memenuhi baki penghujung hari (pada 11:59PM) sebanyak RM500 atau lebih dalam Tabung Yang Layak mereka semasa Tempoh Boleh Memperolehi (17^{hb} Oktober hingga 30^{hb} November 2024), mereka memperoleh RM0.50 yang akan dikreditkan ke dalam dompet MAE mereka yang paling baru diaktifkan dalam masa 7 hari dari tarikh baki kriteria penghujung hari dipenuhi.</p>

b. Senario A

Kempen mencapai Had Maksimum pada penghujung hari ke-28 Tempoh Boleh Memperolehi. Pelanggan A mengekalkan baki penghujung harinya pada RM500 pada hari 27, 28 dan 29 dalam Tempoh Boleh Memperolehi. Pelanggan A akan memperoleh jumlah Pendapatan sebanyak RM1.00.

Senario B

Pelanggan B memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausu 3(a) dan membuka Tabung kedua di bawah kategori Coin Jar. Beliau mengekalkan baki penghujung harinya di Tabung kedua pada RM500 tetapi tidak layak mendapat sebarang Pendapatan kerana Pendapatan hanya terpakai untuk Tabung Yang Layak pertama milik Pelanggan.

4. Hadiah dan Pemenuhan Hadiah

- a. Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausu 3(a) akan layak mendapat Pendapatan seperti yang ditetapkan di bawah:

Jumlah pendapatan dan Kaedah Pemenuhan	Had Maksimum Kempen
RM0.50 dikreditkan ke dalam dompet MAE pelanggan yang paling baru diaktifkan dalam masa 7 hari dari tarikh kriteria Pendapatan dipenuhi	RM500,000 (bersamaan dengan 1,000,000 Pendapatan RM0.50), berdasarkan siapa cepat dia dapat

- b. Jika Pendapatan tidak diagihkan sepenuhnya dalam Bulan Kempen, ia tidak akan dibawa ke hadapan ke mana-mana kempen yang akan datang.
- c. Maybank berhak untuk meminta dokumentasi atau bukti pengenalan, umur, nombor telefon dan tempat kediaman mana-mana Pemenang dan Maybank berhak untuk menghubungi Pemenang berkaitan dengan majlis penyampaian Hadiah yang mungkin berlaku pada masa akan datang.
- d. Maybank tidak akan meminta sebarang butiran perbankan seperti nombor kad kredit/debit dan Kod Kebenaran Transaksi bank (TAC), kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali sahaja (OTP) untuk Pemenang menuntut hadiah. Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen ini atau membatalkan sebarang Hadiah daripada Pemenang jika:
- Pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanik Kempen atau pengendalian Kempen;
 - Pemenang didapati atau disyaki melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Kempen; atau

- iii. Pemenang melanggar kewajibannya atau mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini.

Walau apa pun perkara di atas, Maybank berhak untuk menolak sebarang penyertaan atau Pemenang mengikut budi bicaranya yang munasabah tanpa memberikan sebarang sebab.

- e. Sekiranya Had Maksimum dicapai sebelum tamat Tempoh Kempen, Maybank berhak untuk menamatkan Kempen lebih awal tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

5. Terma dan Syarat Umum

- a. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- b. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“Maybank Privacy Statement”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i. tujuan Kempen; dan
- ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- e. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank.
- f. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- g. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.

- h. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman sesawang Maybank2u www.maybank2u.com.my.